

**Badan Khas Siasat Nahas MH17 Perlu Bebas Sepenuhnya - Muhyiddin  
Bernama  
July 19, 2014**

SHAH ALAM, 19 Julai (Bernama) -- Malaysia mendesak badan siasatan khas nahas pesawat Malaysia Airlines (MAS) Penerbangan MH17 di Ukraine supaya benar-benar bebas dan diberi kuasa penuh untuk menjalankan penyiasatan.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata ia adalah bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian itu yang meragut 298 nyawa termasuk 44 rakyat Malaysia.

"Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menuntut siasatan penuh dijalankan oleh badan siasatan khas tetapi saya fikir badan ini mesti betul-betul bebas dan ada kuasa serta diberikan segala kebebasan untuk masuk ke kawasan nahas bagi menjalankan siasatan.

"Kebebasan ini penting bagi membolehkan badan siasatan itu menggunakan apa sahaja bahan bukti untuk mengenal pasti dalangnya.

"Yang penting semua rakyat Malaysia dan seluruh dunia mahu tahu siapa yang bertanggungjawab (menembak jatuh pesawat MH17)," katanya dalam sidang media selepas membuat tinjauan kerja sempena Kempen Membendung Wabak Denggi di tapak Kondominium I-City, Seksyen 7 di sini, hari ini.

Pesawat MH17 terhempas di ukraine ketika dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur pada Khamis lepas.

Pesawat Boeing 777-200 itu berlepas dari Amsterdam pada 12.15 pm (waktu Netherlands) Khamis lepas dan dijadual tiba di Kuala Lumpur pada 6.10 pagi (waktu Malaysia) semalam.

Muhyiddin berkata perbuatan menembak sebuah pesawat komersil merupakan jenayah yang amat besar dan implikasinya lebih meluas berikutan penumpang pesawat MH17 terdiri daripada rakyat Malaysia dan melibatkan warganegara lain.

"Jadi, perkara ini telah membawa satu bencana kepada banyak pihak. Justeru itu, masyarakat dunia tidak boleh membiarkan hal itu berlaku dan saya fikir Malaysia sokong keputusan yang dibuat (untuk tubuh badan siasatan khas).

"Apabila Dewan Rakyat adakan persidangan khas nanti, anggota Parlimen pastinya bersetuju kita kena buat keputusan bersama dengan tidak mengambil kira fahaman politik kerana ini adalah isu nasional dan global.

"Harapan kita untuk kutuk sekeras-kerasnya apa yang telah berlaku pada MH17," katanya.

Ketika diminta mengulas dakwaan insiden itu telah dirancang dan Malaysia dijadikan kambing hitam untuk mengalih perhatian dunia daripada isu Palestin, Muhyiddin berkata sama ada ia dirancang atau sebaliknya, Malaysia tidak seharusnya terlibat dalam sebarang konflik yang tercetus antara mana-mana pihak.

Ditanya sama ada kejadian itu mempunyai kaitan dengan tindakan Malaysia yang secara terbuka memberi sokongan kepada Palestin, beliau berkata: "Susah untuk kita ramalkan tetapi yang penting, bila sudah ada badan penyiasat antarabangsa, kita akan tahu ceritanya selepas itu. Berapa lama nak dapatkan keputusan dan hasilnya, itu kita kena tunggu."

Mengulas lanjut, timbalan perdana menteri berkata apabila PBB mengadakan mesyuarat tergepar bagi membincangkan tragedi itu, ia bukan hanya menyentuh insiden itu malah membincangkan konflik yang berlaku di antara dua kuasa besar iaitu Ukraine dan Rusia.

"Apapun, kita rakyat Malaysia mesti bersatu dan berdiri teguh dengan pendirian yang kerajaan ambil. Kita harap badan antarabangsa akan bertindak tegas kerana dalam zaman moden seperti ini manusia masih banyak melakukan kezaliman.

"Kita tidak mahu walaupun kita negara bebas, negara berkecuali dan negara aman tetapi kita menjadi mangsa kepada krisis begini," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054807>